



Pantun
Remaja
Membina Akal
ISMAIL RESTU **Budi**

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Pantun
Remaja
Membina Akal
Budi
ISMAIL RESTU

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
www.islam.gov.my

Cetakan Pertama.....2009

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan cara apa pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit iaitu Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ismail Restu, 1940-

Pantun Remaja Membina Akal Budi / Ismail Restu.

ISBN 978-983-042-426-2 (kkt.)

1. Pantoums. 2. Malay fiction. I. Judul.

899.231

Rekabentuk

OMR Press Sdn Bhd

Tel : 03-8024 6396

Fax : 03-8024 6936



KANDUNGAN

KANDUNGAN	i
PENGENALAN DAN HARAPAN	ii
1 ZAMAN REMAJA PALING INDAH	1
2 FITRAH KITA SEBAGAI SEORANG INSAN	4
3 HENDAKLAH YAKIN KEPADA PENCIPTA	7
4 CITA-CITA DAN HIJRAH	10
5 ILMU PENGETAHUAN DAN PENDIDIKAN	14
6 PERGAULAN	18
7 CINTA, SENI DAN HIBURAN	23
8 PEMIKIRAN DAN ADAB	27
9 AKHLAK DAN RUTIN HIDUP	31
10 BINA INSAN, BINA NEGARA DAN SAHSIAH UNGGUL	35
11 PENTINGNYA RAJIN MEMBACA	39
12 KITA PERLU BERSYUKUR	43
BONUS	47



PENGENALAN DAN HARAPAN

Buku PANTUN REMAJA MEMBINA AKAL BUDI ini saya kemukakan dengan harapan dapat menarik perhatian para remaja kita dalam menjadikannya suatu motivasi untuk berjinak-jinak dengan salah satu cabang puisi Melayu lama yang sangat agung, sangat indah dan sangat penting.

Sudah diakui umum, bahawa pantun merupakan pusaka bangsa Melayu yang tinggi nilainya dalam sejarah peradaban bangsa Melayu. Kita perlu berusaha keras menyelamatkan pusaka dan warisan tamadun bangsa Melayu ini agar kembali hidup subur dan berkembang maju seperti genre-genre sastera lain seperti puisi, cerpen, novel dan drama yang menjadi santapan rohani yang utama seluruh masyarakat kita kini.

Pantun juga merupakan kekayaan jiwa dan keluasan akal budi bangsa Melayu yang menjadi kebanggaan bangsa Melayu zaman-berzaman. Kemurnian pantun dan keberkesannya dalam menyalurkan sesuatu mesej tidak dapat ditandingi oleh lain-lain genre.

Antara pantun-pantun dua kerat, empat kerat, enam kerat, lapan kerat, sepuluh kerat dan dua belas kerat; saya memilih pantun empat kerat bagi menjadi isi buku ini, kerana dimaklumi umum, bahawa pantun empat kerat paling digemari ramai dan paling masyhur dalam kategori pantun.

Semoga melalui 125 rangkap pantun yang termuat dalam buku kecil ini akan membuahkan serba-sedikit manfaat kepada seluruh pembaca. Insya-Allah!

*Bersopan-santun si dayang-dayang,
Asyik menonton gambar hiasan;
Selamat berpantun pembaca tersayang,
Semoga pantun meninggalkan kesan.*

ISMAIL RESTU
Kg. Bujang, Kedah.
Mac, 2009

1

ZAMAN REMAJA PALING INDAH

Zaman remaja ialah zaman paling manis dalam kehidupan seseorang insan. Zaman yang paling indah untuk dikenang nanti. Zaman yang mungkin tidak akan dilupai seumur hidup.

Kelompok remaja ialah suatu kelompok yang amat berpotensi untuk dibentuk peribadi, watak, cara berfikir dan cara amalnya. Tanpa tasawwur yang betul, maka akan lahir penyimpangan dalam persepsi dan fahaman.

Ini akan mengakibatkan mereka akan semakin jauh daripada nilai agamanya. Kompilasi ini mengambil pendekatan Islam dalam skop yang luas dan praktis. Semoga ia akan membuah manfaat terhadap para remaja sekalian.

Peringkat remaja ialah peringkat usia paling penting. Ketika inilah ilmu menjadi asas pembentukan diri dan watak mereka. Selaku kumpulan yang berbakat, para remaja perlu menyuburkan potensi diri dengan mengembangkan kekuatan akal. Fungsi akal itu antaranya membolehkan remaja berfikir. Ia amat penting untuk memiliki dan mengembangkan ilmu.

Umum mengetahui, kemampuan akal remaja amat terbatas, ia belum mencapai ke tahap bijaksana, oleh itu ilmu naqli atau wahyu penting bagi memandu akal agar petunjuk Allah atau wahyu tadi dapat digandingkan dengan akal insan secara seimbang.

Seseorang remaja Islam yang baik membentuk kekuatan dirinya dengan ilmu akidah, ibadah, akhlak, dan pelbagai ilmu lain sebagai asas pembentukan jati diri seorang insan yang sempurna.



Negeri Kedah cuaca redup,
Seluruh Malaysia sama sahaja;
Paling indah dalam hidup,
Ketika usia di peringkat remaja.

Pisang sesikat di atas meja,
Dibawa ke kota di tengah rembang;
Ketika meningkat usia remaja,
Bunga cinta mula berkembang.

Buah pala dari seberang,
Semut melata di pokok betik;
Kata pula sesetengah orang,
Bibit cinta mula berputik.

Pasang pelita di atas meja,
Pelita senget dari Miri;
Sebenarnya cinta ketika remaja,
'Cinta Monyet' nama diberi.

Gadis kota pergi ke Sintuk,
Singgah di desa menampi padi;
Remaja kita boleh dibentuk,
Agar sentiasa teguh peribadi.

Ikan duri ekornya kembang,
Mati tersepuk di bawah atap;
Watak diri mula berkembang,
Perlu dipupuk agar mantap.



*Seorang fakir berkopiah putih,
Asyik berfikir hingga ke petang;
Cara berfikir patut dilatih,
Agar berfikir secara matang.*

*Bunga seroja digunting-gunting,
Di dalam bekas dipandang tak jemu;
Usia remaja amat penting,
Memerlukan asas pelbagai ilmu.*

*Di tepi meja dara bersandar,
Sudah jemu melipat kain;
Para remaja perlu sedar,
Kumpulkan ilmu sebanyak mungkin.*

*Tidak jemu berkereta kuda,
Membawa rumia menuju ke darat;
Apabila ilmu penuh di dada,
Bahagia di dunia juga di akhirat.*



2

FITRAH KITA SEBAGAI SEORANG INSAN

Anak-anak kita sebenarnya dilahirkan dalam keadaan fitrah. Putih bersih sifatnya. Keadaan persekitaranlah yang akan mencorakkan kekal dalam fitrah atau sebaliknya. Apabila mereka aqil baligh bererti mereka masuk ke alam remaja.

Dalam Islam apabila telah aqil baligh maka bermulalah tanggungjawab keagamaan secara rasmi. Mulai hari pertama kelahiran hingga ke usia aqil baligh itulah tempoh anak-anak mengalami pembentukan sikap, tabiat dan budaya diri.

Proses keremajaan dalam membangunkan fitrah diri merupakan kesinambungan daripada asas kukuh yang terbina sebelum aqil baligh. Remaja memiliki potensi atau bakat, emosi dan rohani yang sangat subur. Bakat menunggu digilap dan bakat jasmani menunggu untuk dibelai, dilatih dan dibimbing. Berfikir dahulu sebelum melakukan tindakan, adalah jalan bijaksana untuk mendapatkan hasil yang baik.

Hati perlu disuburkan dengan nilai-nilai rohaniah. Daripada hati datangnya niat dan daripada niat timbulnya tindakan. Sifat diri yang jujur, ikhlas, tulus, telus, adil, timbang rasa, semuanya daripada hati.

Ia terbina hasil daripada hati yang sentiasa disuburkan dengan amalan rohaniah yang baik. Hati juga boleh membentuk sifat-sifat mazmumah atau sifat-sifat keji seperti mungkir janji, menfitnah, berbohong, zalim, pecah amanah, dengki khianat dan lain-lain akibat tidak disuburkan dengan penghayatan rohaniah yang baik.

*Sungguh mahir tukang banci,
Menabur bakti tanpa letih;
Bayi lahir penuh suci,
Bersih seperti kain putih.*

*Dari Baling ke negeri Melaka,
Waktu balik membeli bedak;
Alam sekeliling membentuk mereka,
Menjadi baik atau tidak*

*Anak petani pergi ke pasar,
Makan tapai di tepi meja;
Mereka ini terus membesar,
Hingga sampai peringkat remaja.*

*Sakit kaki kerana memburu,
Terasa teruk mengejar buruan;
Remaja milik naluri meniru,
Baik buruk jadi tiruan.*

*Ikan Cencaru dimasak jeruk,
Dicampur lada dicicah roti;
Kalau meniru perkara buruk
Pasti anda menyesal nanti.*



*Memetik tamar perlu sabar,
Dibawa ke hulu terus ke Labuan;
Remaja gemar perkara mencabar,
Kita perlu berikan panduan.*

*Puteri raja sedang bersikat,
Sikatnya lembut ditepuk-tepuk;
Setiap remaja miliki bakat,
Bakat tersebut perlu dipupuk.*

*Pergi ke hulu memburu landak,
Tertembak kera di atas ranting;
Bertikr dahulu sebelum bertindak,
Itulah perkara paling penting.*

*Orang Jelebu berambut kerinting,
Mengambil kemeja lalu disangkut;
Teguran ibu bapa amat penting,
Para remaja perlu ikut.*

*Nasi beriani dibawa ke Genting,
Ada acara jamuan diraja;
Hal ini sememangnya penting,
Tirulah perkara baik sahaja.*

3

HENDAKLAH YAKIN KEPADA PENCIPTA

Apa itu kehidupan? Jawapan kepada soalan inilah menjadi perkara asas yang perlu ada pada setiap remaja kita. Apakah hubungan antara kehidupan dengan kemajuan? Mengapakah manusia itu dicipta? Apakah pula kaitan penciptaan dengan amanah kehidupan?

Kehidupan bukan berlaku secara kebetulan. Allah mencipta sesuatu kejadian atas sebab-sebab tertentu. Antara sebab Allah menjadikan jin dan manusia di atas bumi ini ialah agar mereka beribadah kepada-Nya. Maksud ibadah itu terlalu luas. Ia merangkumi seluruh kehidupan manusia itu sendiri.

Allah mengurniakan remaja akal. Sudah pasti remaja berbeza dengan makhluk yang tidak berakal. Daripada proses berfikir datangnya ilmu. Ilmu dapat memandu remaja menjadi insan yang bijaksana.

Remaja yang berilmu tidak sama dengan remaja yang tidak berilmu. Remaja yang tidak menggunakan akal, mungkin berpandukan cita-cita, emosi atau nafsu.

Akal memerlukan maklumat, data dan fakta. Jika naluri daripada ego diri dibentuk dengan asas ilmu yang membawa kepada sifat taat selari dengan fitrah diri, naluri itu boleh terbentuk menjadi potensi yang sangat baik ke arah kecemerlangan.

Islam tidak menolak rasional. Islam juga mendidik remaja tentang kewujudan faktor-faktor yang tidak dapat dilihat, tidak boleh dipegang dan bukan bersifat benda. Contohnya angin.

Para remaja sudah pasti berfikir tentang adanya kuasa yang Maha Perkasa yang mentadbir bulan bintang, matahari dan sebagainya. Tanpa kuasa yang Maha Perkasa, masakan alam ini dapat ditadbirkan dengan tertib dan teratur.

Apabila keyakinan kepada Pencipta bertambah teguh, dengan sendirinya akidah kita dengan Allah menjadi mantap. Setiap sesuatu yang Allah suruh dan larang ada hikmah di sebaliknya.

Sekiranya remaja mematuhi jalan hidup yang makruf dan mengelakkan diri daripada kemungkar, menunjukkan remaja beriman dan bakal melakukan amal soleh.



*Hidup bebas perkara terpenting,
Tanyalah siapa itulah jawapan;
Perkara asas amat penting,
Ketahui apa itu kehidupan?*

*Orang Petani tinggal pesan,
Kepada pendeta rakan karibnya;
Hidup ini bukan mainan,
Allah mencipta ada sebabnya.*

*Kita dihidupkan tidaklah kekal,
Hidup kita tidaklah lama;
Allah kurmikan kita akal,
Jadilah kita makhluk utama.*

*Kalau berzikir usahlah jemu,
Usah hiraukan kalau terlajak;
Proses berfikir timbullah ilmu,
Ilmu menjadikan kita bijak.*

*Anak muda kuat bekerja,
Semangat begini patut dipertahan;
Adakah pada pendapat remaja,
Hidup ini seperti tumbuhan?*



*Tukang tilik pandang ke barat,
Di muka pintu memegang tangkal;
Remaja milik sedikit kudrat,
Kudrat itu tidak kekal.*

*Pokok cempedak patah dahan,
Pokok seroja berbuah tiada;
Remaja tidak mampu bertahan,
Terus kekal remaja dan muda.*

*Pulau Pandan tempat bersukan,
Terkenal sudah cantik tempatnya;
Jin dan manusia Allah jadikan,
Untuk beribadah kepada-Nya.*

*Tanjung Batu ombaknya buas,
Di situ kami dilanda taufan;
Ibadah itu terlalu luas,
Ia merangkumi seluruh kehidupan.*

*Pohon teja tegak berdiri,
Tegap perkasa di tengah rimba;
Ketika remaja lengkapkan diri,
Kelak dewasa tiada pancaroba.*



4

CITA-CITA DAN HIJRAH

Ibarat dalam satu perjalanan, cita-cita adalah destinasi yang bakal dituju. Terdapat banyak destinasi yang bakal ditempuh. Pada setiap perhentian yang dilalui terdapat cabaran tertentu yang perlu dihadapi.

Jalan hendak mencapai cita-cita bukanlah sesuatu yang mudah, tetapi dengan azam dan tekad yang tinggi, remaja boleh sampai ke pelbagai tahap hidup apabila asas mulanya disertai dengan disiplin yang kuat, kesabaran yang tinggi dan usaha yang tidak pernah berputus asa.


Setiap remaja Islam mesti ada cita-cita. Ini akan dapat membantu remaja mencapai matlamat hidup. Apabila cita-cita tumbuh pada diri remaja, ia menuntut proses penyuburannya.

Pada peringkat remajalah, peringkat terbaik untuk membina cita-cita. Misalnya bercita-cita hendak menjadi seniman Islam yang berakhlak, menjadi saintis yang beriman, bercita-cita hendak berjaya dalam perniagaan, pakar perisian komputer serta membangunkan umat yang beretika tinggi dan dapat menghasilkan manfaat kepada semua. Inilah antara cita-cita yang diredhai Allah.

Cita-cita bukan angan-angan. Cita-cita merupakan sesuatu yang boleh dicapai jika diiringi dengan usaha yang bersungguh-sungguh. Untuk mencapainya, remaja mesti ada perancangan dan penguasaan ilmu yang integratif.

Remaja perlu tahu mengukur antara bakat, minat, kecenderungan dan potensi yang dimiliki untuk mencapai cita-cita di hari muka. Fokus terpenting Islam mencapai kecemerlangan akademik dan akhlak.

Hijrah membawa erti pindah. Pindah dalam pengertian hijrah ialah berubah. Berubah dari yang tidak baik kepada yang baik. Dan yang baik



kepada yang lebih baik. Hijrah bakal memperkayakan pengalaman dan khazanah ilmu. Hijrah menjadikan remaja sentiasa dinamik dan berfikir kreatif serta proaktif dalam melakukan sesuatu.

Remaja yang berjaya dapat mengawal diri daripada pengaruh nafsu yang melampau dan menyalahi syarak. Remaja yang berjaya ialah yang sering memikirkan ilmu dan kepentingannya sebagai kesejahteraan hidup.

Adapun remaja yang terjebak dengan perlakuan negatif tidak akan berjaya. Mereka bukan sahaja merosakkan diri mereka sendiri, malah masa depan mereka. Agama mengajar remaja menjadi baik dan mengajar remaja mempunyai hari depan yang cerah. Tanpa agama remaja akan hilang pedoman dan haluan hidup.

Andainya remaja menggunakan akal sebagai sumber untuk mendapatkan ilmu, masa depan remaja akan lebih cerah dan bermakna. Allah telah mengurniakan kepada remaja perasaan, emosi atau hati nurani. Terpulang kepada remaja sama ada hendak menggunakannya untuk membina kematangan atau melayan hawa nafsu, pergaulan lepas bebas, dadah dan kegiatan lucah. Akhirnya remaja akan hilang pedoman dan menghadapi kerosakan diri!

Remaja harus menyedari apa tujuan mereka dilahirkan ke dunia ini. Mereka hendaklah menyayangi diri sendiri dan menjauhi perbuatan yang menyalahi agama. Kehinaan umat Islam kini disebabkan zaman remaja mereka tidak ada disiplin.

Kiranya remaja tersalah laku, kembalilah ke pangkal jalan. Allah Maha menerima taubat hamba-Nya. Sayangilah diri, keluarga, agama dan Allah. Hidup kita ini memerlukan bantuan Allah, ikhlas kepada-Nya serta menjadikan Allah tempat sandaran. Setelah bersungguh-sungguh, maka bertawakal kepada Allah. Inilah asas kekuatan akhlak atau ikatan manusia dengan Allah!



Dari hulu pergi ke kota,
Di Kota Batu membeli tapai;
Anda perlu bercita-cita,
Cita-cita itu perlu dicapai.

Rambai di kota pokoknya rendah,
Pokok berangan rantingnya liat;
Mencapai cita-cita bukannya mudah,
Mesti dengan azam yang kuat.

Pasang lilin di atas beranda,
Bulan puasa setahun sekali;
Kuat disiplin perlu ada,
Berputus asa jangan sekali.

Menunggang kuda di tanah rata,
Di kebun lada ketika redup;
Apabila anda ada cita-cita,
Baharulah ada matlamat hidup.

Anak raja berkaca mata,
Pagi Sabtu ke Gunung Daik;
Waktu remaja bina cita-cita,
Itulah waktu paling baik

Kalau belum ke Gunung Daik
Cuba berpakat pergi ke sana;
Anda maklum cita-cita terbaik,
Memberi manfaat kepada semua.



*Mencari loka jadi kenangan,
Jangan sampai tertangguh-tangguh;
Cita-cita bukan angan-angan,
Akan tercapai jika bersungguh-sungguh.*

*Rumah sewa bentuknya rendah,
Memang teruk sewanya naik;
Hijrah membawa erti pindah,
Daripada buruk kepada baik*

*Pergi ke pulau memancing bawal,
Menahan lukah di pinggir desa;
Nafsu melampau perlu dikawal,
Tersilap langkah rosak binasa.*

*Daun rambutan dihinggapi rerama,
Pucuk langsung dibuat ubat;
Jauhi perbuatan menyalahi agama,
Andai tersesat segera bertaubat.*



5

ILMU PENGETAHUAN DAN PENDIDIKAN

Ilmu itu ialah sesuatu yang memberi makna kepada diri kita, iaitu bagaimana pengetahuan tentang maklumat dan penerimaan pengalaman menjadikan kita faham tentang diri, hubungannya dengan orang lain dan juga persekitaran.

Dalam Islam ilmu pengetahuan wajib dituntut oleh setiap Muslim termasuk remaja. Kiranya kita menjadikan al-Quran sebagai sumber ilmu, ia akan memberikan kita petunjuk. Dan kiranya kita menjadikan akal sebagai sumber mendapatkan ilmu, ia menjadi alat untuk mengurus kehidupan.

Remaja ialah peringkat usia yang sangat penting, iaitu ketika remajalah ilmu menjadi asas pembentukan diri dan watak mereka. Sebagai kumpulan berbakat, remaja perlu mengembangkan potensi diri dengan membangunkan kekuatan akal. Fungsi akal, antaranya membolehkan remaja berfikir. Ia amat penting untuk mendapat dan mengembangkan ilmu.

Meskipun demikian, kemampuan akal remaja amat terbatas. Ia belum mencapai ke tahap bijaksana. Oleh itu ilmu naqli (ilmu al-Quran) atau wahyu penting bagi memandu akal agar petunjuk Allah (wahyu) dapat digandingkan dengan akal manusia secara seimbang. Seseorang remaja Islam yang baik membentuk kekuatan dirinya dengan ilmu akidah, ibadah, akhlak dan ilmu-ilmu lain sebagai asas pembentukan akhlak dan diri.

Ilmu akhlak itu membentuk watak dan sahsiah, kerana ia merupakan citra diri insan yang amat bernilai. Ilmu ini dihubungkan sebagai ilmu mengurus diri atau boleh juga disebut ilmu fardu ain. Ilmu ini perlu diurus dengan baik, kerana dalam diri setiap remaja itu ada kerajaan akal dan hati yang memerlukan pengurusan. Faktor rohaniah seperti hati, rasa, akal, budi dan pemikiran menuntut pedoman yang baik bagaimana faktor dalam diri insan

boleh memberi kesan yang bermanfaat terhadap faktor di luar diri remaja.

Para remaja harus tahu minat dan bakat masing-masing. Kelulusan SPM yang diperoleh umpamanya boleh memberikan remaja panduan tentang bidang atau kursus yang patut disertai. Yang penting, apa pun kursus yang disertai akan memberi manfaat kepada mereka sebagai sumber pekerjaan dan juga kehidupan. Juga boleh menyumbang ke arah kebaikan diri, agama, bangsa dan negara.

Kekuatan fardhu ain dan penguasaan ilmu fardhu ain dan penguasaan ilmu fardhu kifayah pada diri remaja, akan sentiasa meletakkan mereka dalam satuimbangan yang baik antara tuntutan agama dan hidup. Keseimbangan ini untuk kebaikan dunia dan akhirat.

Pendidikan membawa erti pembentukan diri, sikap dan watak. Maklumat yang diterima sewajarnya memberi pedoman dan nilai bagaimana peribadi manusia dapat dibentuk dengan maklumat yang benar, ilmu yang bermanfaat dan pengalaman yang berguna. Menerusi pendidikan manusia berubah daripada tidak baik kepada baik dan daripada baik kepada yang lebih baik.

Remaja merupakan sumber yang amat berpotensi. Remaja memiliki kesegaran emosi dan idealisme. Remaja mempunyai kesuburan akal dan keupayaan berfikir. Mereka juga memiliki ketangkasan fizikal dan jiwa penerokaan.



*Nampak berbalam Bukit Temingat,
Ramai biduan sedang menuntut;
Penganut Islam perlu ingat,
Ilmu pengetahuan perlu dituntut.*

*Pukul satu sambut tetamu,
Para tetamu segak orangnya;
Al-Quran itu sumber ilmu,
Segala ilmu ada di dalamnya.*

*Bunga seroja dipetik seranting,
Dibawa ke Melaka penuh sekotak;
Usia remaja amat penting,
Itulah ketika membentuk watak.*

*Di Gua Kelam orang bertapa,
Datang tetamu terus melutut;
Remaja Islam jangan lupa,
Pelbagai ilmu mesti dituntut.*

*Beli kemeja di Pulau Langkawi,
Kemeja diangkat dipusing-pusing;
Para remaja harus ketahui,
Minat dan bakat masing-masing.*

*Daun pegaga di atas peti,
Hari Jumaat dibawa ke Mina;
Apa juga kursus diikuti,
Biar bermanfaat biar berguna.*



*Bahan dibawakan dari Sabah,
Dibuat jeruk dibawa ke Daik;
Melalui pendidikan insan berubah,
Daripada buruk kepada baik*

*Ke Pekan Lama terus ke Genting,
Hendak ke Miri usah bertanggung;
Didikan agama amat penting,
Mesti dipelajari bersungguh-sungguh.*

*Membaca komik di atas tangga,
Ketika senja di tepi pekan;
Didikan akademik perlu juga,
Para remaja jangan abaikan.*

*Bunga cempaka di atas kerusi,
Bunga seroja kembang belaka;
Ibu bapa perlu awasi,
Para remaja contohi mereka!*



6

PERGAULAN

Salah satu fitrah remaja ialah pergaulan. Mereka suka berkawan dan berkenalan. Mereka tidak suka bersendirian. Mereka ingin perhatian dan rakan untuk berbual. Menyatakan perasaan diri untuk didengar, membisikkan isi hati kepada orang lain, malah tempat mengadu masalah peribadi agar dapat dicari jalan keluar.

Remaja ialah kelompok yang aktif. Jenis aktiviti mereka pelbagai. Biasanya mereka memerlukan kawan untuk melakukan aktiviti. Di sinilah bermulanya komunikasi atas tujuan tertentu. Tanpa berkomunikasi mereka akan terasa sunyi dan resah.

Soalnya kawan yang mana satu? Isu kawan ini ialah satu isu yang amat penting bagi para remaja. Sering kita dengar pada kawan ada pengaruh dan daripada kawan sering timbul perasaan 'setia kawan'.

Islam tidak menghalang pergaulan di kalangan para remajanya, malah Islam menggalakkan pergaulan yang sihat dan membuahkan manfaat kepada mereka. Pergaulan yang sihat akan menyuburkan fitrah remaja. Dalam Islam pergaulan yang sihat mengambil kira batas mahram dan juga jenis aktiviti yang dijalankan.

Pergaulan itu ada dua jenis, iaitu pergaulan sesama jenis dan kedua pergaulan yang berlainan jenis. Jenis yang kedua itu yang sering menimbulkan masalah. Islam mengharuskan pergaulan yang berlainan jantina atas asas menuntut ilmu pengetahuan, melakukan aktiviti-aktiviti berfaedah dan menjauhkan pergaulan daripada fitnah.

Sebenarnya pergaulan itu perlu ada batasan. Tanpa batasan dibimbangi para remaja akan lepas bebas. Dengan itu boleh menyebabkan remaja terbasah dan melampaui batas. Dalam diri remaja dan manusia lain juga, Allah tidak hanya membekalkan akal dan hati nurani, tetapi juga nafsu.

Andainya pergaulan itu berasaskan akal dan hati yang sihat, maka ia akan memandu pergaulan agar tidak bercanggah dengan syarak. Namun nafsu manusia ibarat kuda liar. Jika tidak dipandu dengan tali kekang, pergerakannya akan menjadi tidak terkawal.

Sebaliknya jika dilatih dan dipandu pergerakannya akan teratur dan terkawal. Diri remaja juga perlu dikawal bagi mengelakkan mereka daripada terjebak dengan pergaulan yang boleh menyebabkan berlakunya maksiat dan fitnah yang bakal merosakkan mereka.

Islam menggalakkan jenis sukan yang sesuai dengan fitrah diri remaja. Aktiviti sukan apabila dilakukan mampu membentuk kekuatan fizikal remaja di samping mengekalkan fitrah kewanitaan dan kekelakuan. Islam tidak hanya mahukan remaja melalui rohaniah dengan baik, tetapi juga latihan jasmaniah remaja yang sihat adalah remaja yang sering melakukan riadah.

Adapun riadah rohani itu ialah melalui kepatuhan terhadap suruhan Allah dengan melakukan ibadah seperti solat dan amalan-amalan lain. Riadah akal ialah menuntut ilmu, berfikir dan menghasilkan pendapat melalui perbincangan dan penulisan.

Riadah jasmaniah ialah melalui penglibatan dalam bidang sukan, permainan dan kegiatan-kegiatan jasmani. Ketiga-tiga latihan tersebut akan membawa kepada komunikasi yang sihat bagi menghasilkan pergaulan yang sihat dan baik.

Melalui kitab al-Quran, Allah telah menerangkan batasan-batasan kepada manusia khususnya dalam pergaulan, iaitu batas halal, haram, harus, makruf dan mungkar. Dari segi syariah, batasan-batasan tersebut bertujuan mengawal masalah agama dan demi kebaikan umat Islam.

Apabila pergaulan melampui batas, nafsu akan menjadi raja dan tidak terkawal, remaja akan mengalah dan tunduk serta mengikuti seruan nafsu dan menyebabkan mereka mudah melakukan fitnah. Apabila ini berlaku, dibimbangi mereka akan hilang kawalan diri dan lupa batasan haram, halal, terlarang atau tidak, haq dan batil. Akhirnya mereka akan terperangkap ke dalam jebak nafsu serta lupa jalan kembali!

Sebagai contohnya, remaja yang terjerumus dalam kegiatan dadah, bermula dengan pergaulan yang tidak sihat, seperti bergaul dengan orang-orang yang sudah terlibat dengan dadah. Akibat lemah pengawalan diri, hati dan perasaan, maka ramai remaja turut terjerumus ke dalam kancah penagihan dadah, dan akan hilang punca untuk berpatah balik ke jalan fitrah atau ke jalan lurus.

Demikian jua apabila remaja terperangkap dengan pergaulan bebas hingga terjebak dengan gejala bohsia dan bohdan. Ia berpunca daripada pergaulan yang didorong oleh nafsu remaja yang merangsang ke arah melakukan hubungan seks! Ini pasti akan merosakkan diri dan peribadi mereka sendiri!

Mungkin terdapat remaja yang cemerlang dan berpotensi terlibat dalam pergaulan yang lebih luas, iaitu hingga di luar lingkungan budaya atau peringkat antarabangsa.



Melalui latihan ketika remaja itu, menyebabkan mereka akan maklum cara-cara bergaul, walaupun dengan orang bukan Islam.

Cara bergaul itu sebenarnya, adalah lambang ketinggian sahsiah. Walau di mana sekalipun seseorang itu berada, sahsiahnya ibarat ikan di dalam lautan, meskipun air laut itu masin, tetapi daging ikan itu tetap tawar!

Dalam suasana apa pun seseorang itu berada, dia tetap memiliki prinsip dan pegangan agar pergaulan berlaku dengan sihat, terhindar daripada fitnah dan sekali gus dihormati oleh orang lain.

Inilah keistimewaan atau kekuatan yang harus dimiliki oleh remaja Islam dalam mengharungi pergaulan, agar kelaziman bergaul itu bakal menjadi tabiat yang baik, sehingga lahir gelagat persaudaraan, kasih sayang dan ukhuwwah dan akhirnya menjadi sumber tarikan kepada orang lain melakukan perkara yang sama, saling bergantung dan menyumbang untuk membentuk asas-asas kemasyarakatan yang baik dan sihat.



*Burung kedidi dari Kemboja,
Dibawa ke hulu berbulan-bulan;
Sudah menjadi fitrah remaja,
Mereka perlu kepada pergaulan.*

*Menjemur bedak bercampur wangian,
Orang hulu menumbuk emping;
Remaja tidak suka bersendirian,
Kawan perlu sentiasa di samping.*

*Puncak Mahligai tempat beradu,
Kemudian keluar ke pangsapuri;
Kawan sebagai tempat mengadu,
Jalan keluar perlu dicari.*

*Agama memang perkara sensitif,
Jangan lekas anda guraukan;
Remaja memang kelompok aktif,
Pelbagai tugas mereka jalankan.*

*Pura Cendana nama negeri,
Pokok di situ patah ranting;
Kawan bagaimana perlu dicari,
Memang satu isu penting.*



*Kalau hendak berjalan-jalan,
Ke Batu Pahat serta Jerantut;
Islam tidak halang pergaulan,
Pergaulan sihat memang dituntut.*

*Memang ringan lelayang kertas,
Jatuh tersangkut di ranting tembusu;
Pergaulan jangan melampaui batas,
Jangan ikut seruan nafsu.*

*Sayang seroja habis ditebas,
Sejak tadi ditimpa hujan;
Kalau remaja terlalu bebas,
Bisa jadi bohsia dan bohjan.*

*Cantiknya sanggul berbunga cempaka,
Sanggul bernama Indera Giri;
Walaupun bergaul dengan siapa,
Jagalah nama jagalah diri.*

*Kota Lukut sebuah pekan,
Hati terpaut dek harum mawar;
Cuba ikut hebatnya ikan,
Tinggal di laut isinya tawar!*



7

CINTA, SENI DAN HIBURAN

Setiap insan inginkan cinta, sukakan cinta. Islam tidak pernah melarang penganutnya mencintai dan dicintai. Dalam Islam, cintakan Allah adalah cinta paling agung. Ini bererti mengikuti segala suruhan Allah dan menjauhi segala larangan Allah adalah melambangkan kasih kita kepada Allah.

Hubungan kita dengan Allah akan lebih erat apabila kita taat dan akur dengan kehendak Allah. Dari situlah timbulnya rasa cinta dan kasih. Allahlah tempat mengadu, tempat melepaskan rindu, tempat mohon petunjuk dan hidayah.


Kalau cinta dan kasih kita kepada Allah itu ikhlas, dengan sendirinya cinta kita kepada manusia juga ikhlas. Islam menuntut kita cinta dan kasih kepada ibu dan ayah. Merekalah yang mendidik kita menjadi insan berguna.

Bermula dengan cinta atau kasih terhadap ibu bapa, kemudian cinta pada ilmu. Ini penting kerana ilmu bakal memandu kesejahteraan hidup kita. Selepas itu baharulah mencintai insan yang berlainan jenis. Ini adalah satu fitrah!

Remaja janganlah terjebak dengan cinta kerana nafsu. Cinta hendaklah mengikut urutan di atas tadi. Cinta begini baharulah akan mendapat keredhaan Allah dan keberkatan dalam hidup.

Cinta kepada Allah berhikmah untuk manusia adalah cinta martabat tinggi. Zaman remaja atau belia, rangsangan untuk bercinta amat kuat. Andainya perasaan ini dapat disalurkan dengan mengambil pertimbangan Allah, para remaja akan sentiasa memiliki pedomam dan kawalan.

Seni pula adalah sesuatu yang indah. Pancaran keindahan itu terserlah dalam bahasa, puisi, nyanyian, ukiran, kreativiti kraf tangan dan pencak silat. Keindahan seni menjadikan ia disukai, kerana mengandungi unsur-unsur harmoni dan syahdu, sehingga hati kita rasa terhibur, perasaan kita menjadi



terusik dan tersentuh serta menimbulkan kepuasan rohaniah yang tinggi.

Alam ini Allah ciptakan penuh dengan seni. Lihatlah gunung-ganang, lautan luas, padang pasir, pokok-pokok, bunga-bunga, desir angin, debur ombak, kicauan burung dan segalanya lagi adalah rahmat dan nikmat Allah Yang Maha Pencipta dan Maha Menakjubkan.

Daripada kejadian itu semua, timbullah ilham dalam berbahasa, berpuisi, bergurindam seloka, berzanji, bernasyid dan berlagu yang memberikan keindahan bahasa dan makna yang akhirnya membawa insan hampir dengan Allah Maha Pencipta di samping merasakan itu antara Kebesaran-Nya.

Para remaja adalah kumpulan yang amat gemarkan seni. Perasaan ini boleh mendidik remaja memiliki perasaan yang peka terhadap kejadian dan penciptaan dan boleh melahirkan pelbagai kreativiti yang tinggi mutunya.

Akhirnya akan timbul keinsafan bahawa hidup insan yang sementara ini ibarat pengembara yang terus mengembara, perantau yang terus mencari, penjelajah yang terus meneroka, yang akhirnya tiba di gigi pantai kehidupan, di kaki langit pengharapan, di hujung muara pengalaman!

Daripada pancaran seni yang tinggi, akan lahir rasa keinsafan, bahawa kita ini adalah milik Allah, bukan milik diri kita sendiri. Daripada-Nya kita datang dan kepada-Nya kita kembali.

Insan memerlukan hiburan. Hiburan itu fitrah manusia. Dalam Islam ringkasnya, hiburan tidak semata-mata kerana berhibur. Ia dinikmati dengan maksud menyuburkan keceriaan diri tanpa menimbulkan kelainan juga menginsafkan dan menghargai ciptaan Allah.




*Barang hiasan dari Jakarta,
Dari Jakarta dibawa ke Segamat;
Semua insan perlukan cinta,
Kerana cinta penuh nikmat.*

*Buah cempedak dalam kereta,
Dibawa ke huma dibelah- belah;
Islam tidak melarang bercinta,
Paling utama cintakan Allah.*

*Tanam pegaga di pinggir kota,
Untuk dijual di Pekan Rabu;
Islam juga mengajar kita,
Agar kasihkan ayah dan ibu.*

*Rumah batu beratap genting,
Di tengah kota pandang tak jemu;
Lagi satu perkara penting,
Kita dipinta cintakan ilmu.*

*Asyik berpindah ke sana ke sini,
Cepat lambat ditimpa lara;
Yang indah-indah disebut seni,
Seni terlibat banyak perkara.*



*Sekolah kebangsaan di tepi tasik
Di situ ramailah orang bertani;
Apabila perasaan tersentuh, terusik,
Lalu timbullah kepuasan rohani.*

*Burung balam terbang melintang,
Mencari makan ke sana-sini;
Lihatlah alam luas terbentang,
Allah ciptakan penuh seni.*

*Pulau Pinang memang luas,
Tempat berkelah merata-rata;
Gunung-ganang, lautan luas,
Memang Allah Maha Pencipta.*

*Teruna membelah kayu sebatang,
Kayu dibelah di tepi kali;
Daripada Allah kita datang,
Kepada Allah kita kembali.*

*Ingat pesan dan amaran,
Agar selesa hidup di kota;
Hidup insan perlukan hiburan,
Hiburan bisa ceriakan kita.*



PEMIKIRAN DAN ADAB

Allah kurniakan kepada kita otak untuk berfikir. Dengan berfikir itu membuatkan kita tahu tentang sesuatu dan menjadikan kita berpengetahuan serta menjadikan kita orang yang kreatif.

Hasil daripada proses kita berfikir itu, lahirlah aliran pemikiran. Ia berkait dengan fahaman dan keyakinan kita terhadap apa yang kita fikir dan meneliti apa yang orang lain fikir.

Aliran fikiran ini akhirnya menjadi utuh kepada diri seseorang dan menyebabkan kita tahu konsep dan falsafah hidup dan hala tuju perjuangan. Islam adalah agama bagi orang yang berakal. Allah menciptakan seluruh alam ini dan seluruh kejadian agar manusia berfikir. Al-Quran pula menceritakan pelbagai kisah dan peristiwa untuk manusia merenung dan berfikir.

Menurut Islam, akal adalah alat, kiranya akal itu digunakan dengan baik, ia dapat memandu manusia mencapai matlamat hidup. Penggunaan akal perlu ada batasan. Dalam hidup ini terdapat beberapa perkara yang tidak terjangkau oleh akal. Ia memerlukan bantuan bagi memahami mengapa kita dihidupkan. Apa hubungan Pencipta dengan yang dicipta. Apa hubungan manusia dengan persekitaran dan ke manakah akhirnya manusia.

Remaja merupakan kelompok yang paling berpotensi untuk membina aliran pemikiran yang betul dan sihat. Kiranya remaja menerima input yang dikongsi sama oleh nilai-nilai yang baik, maka aliran fikiran mereka akan cenderung berfikir ke arah kebaikan.

Bagi remaja, kekuatan akal yang Allah kurniakan, seharusnya digunakan untuk memanfaatkan ilmu dan hikmah, nilai dan pedoman, maklumat dan kebenaran, agar remaja terbiasa dengan aliran pemikiran yang sihat.



Adab pula ialah pancaran daripada akhlak yang mulia dan gambaran pekerti seseorang dalam tingkah laku hidupnya. Adab juga menggambarkan kesopanan seseorang terhadap seseorang lain ketika berada dalam suatu situasi tertentu. Adab juga menyentuh tentang rasa hormat seseorang terhadap orang lain.

Adapun adab itu sangat penting bagi remaja. Sebenarnya didikan tentang adab perlu berlaku di peringkat awal lagi oleh ibu bapa dan keluarga. Banyak hal-hal adab dengan orang ramai. Kiranya remaja di peringkat awal lagi menjadikan tatacara adab sebahagian daripada hidup mereka, ia akan sehati pada diri mereka dan akhirnya dapat memandu cara hidup dewasa mereka.

Adab adalah gambaran kehalusan pekerti dan kesantunan tingkah laku insan. Tatacara adab yang berjalan dengan baik menimbulkan harmoni pada diri, terhadap orang lain dan ia melahirkan ketertiban dalam masyarakat. Falsafah dan manfaat utama adab ini ialah mengekalkan keharmonian, penghormatan dan kesantunan dalam hubungan kemanusiaan.

Keadaan yang berlaku sekarang, menunjukkan bahawa sebahagian besar remaja kita sedang menghadapi keruntuhan adab. Ini sangat membimbangkan kita. Antara yang menyebabkan gejala ini ialah: Pertama, ibu bapa kurang prihatin tentang pentingnya adab dalam proses membentuk tingkah-laku anak-anak. Kedua, kanak-kanak sangat terdedah kepada tingkah-laku yang tidak menggambarkan adab yang baik, sama ada melalui pengalaman hidupnya, mahupun yang ditontonnya melalui TV. Contohnya dapat kita saksikan dalam kehidupan seharian.



*Barang hiasan tersalah letak,
Tersalah letak di tempat berdikir;
Semua insan dikuniakan otak,
Dengan otak insan berfikir.*

*Tukang ukir mengukir batu,
Beliau ternyata sangat aktif;
Dengan berfikir timbullah sesuatu,
Menjadikan kita orang kreatif.*

*Datuk nakhoda seorang pengukir,
Sangat mahir mengatur pameran;
Hasil daripada kita berfikir,
Akan lahir aliran pemikiran.*

*Emas lama berbungal-bungal,
Lalu dibersihkan di dalam talam;
Islam agama orang berakal,
Hendaklah fikirkan kejadian alam.*

*Buluh dibelah di pinggir kota,
Dari sini dihantar ke Langkawi;
Mengapa Allah hidupakan kita?
Soalan ini perlu diketahui.*



*Emas sebungkal dibawa ke Daik,
Ketika sampai cuaca redup;
Gunakan akal dengan baik,
Agar tercapai matlamat hidup.*

*Berjalan-jalan ke Sungai Besi,
Bawa berangan ke Batu Pahat;
Remaja kumpulan ada potensi,
Bertfikir dengan betul dan sihat.*

*Memang sedap sambal berhalia,
Kurang sedap kalau disimpan;
Orang beradab berakhlak mulia,
Orang beradab hidup bersopan.*

*Anting-anting puteri raja,
Mudah dikawal puteri yang cerdik;
Adab penting bagi remaja,
Sejak awal perlu dididik.*

*Daun berguguran si pohon meranti,
Menumpang dedalu di pohon dedap;
Adab gambaran kehalusan pekerti,
Remaja perlu hidup beradab.*



9

AKHLAK DAN RUTIN HIDUP

Adapun akhlak itu berhubung rapat dengan pekerti, tingkah laku dan perangai. Akhlak juga dikaitkan dengan nilai yang dihubungkan dengan al-Quran dan sunnah Nabi SAW. Contohnya seseorang itu dikatakan tidak berakhlak sekiranya melakukan maksiat.

Jika seseorang itu amanah pada janji, dia dikatakan berakhlak kerana menepati janji. Amanah pada janji adalah ajaran Allah dan nabi. Moral Barat mengaitkan status atau mengukur tara moral dengan apa yang diterima sebagai suatu norma atau kebiasaan. Sekiranya ukur tara moral tentang sesuatu perlakuan diterima, ia dikatakan bermoral.

Dalam Islam akhlak dikaitkan dengan sumber agama. Islam membenarkan pergaulan berlainan jenis, iaitu lelaki perempuan, tetapi Allah dan Rasul memberikan pedoman bagaimana pergaulan itu boleh berlaku. Namun terdapat batasan tertentu bagi mengelakkan maksiat dan kemungkaran.

Tahap umur remaja, adalah di peringkat pembinaan dan pembentukan. Isu akhlak ini amat rapat hubungannya dengan remaja. Remaja zaman ini perlu bergaul, perlu berkomunikasi, tidak anti sosial, daya mobilitinya tinggi, bakat mereka subur berkembang.

Isunya bagaimana kecenderungan yang fitrah ini dapat disalurkan dengan bijaksana, supaya kecenderungan atau naluri dengan batas syarak diambil kira.

Kiranya remaja bergaul lelaki perempuan bagi maksud belajar, bertukar-tukar fikiran atas maksud kebaikan. Bertukar-tukar maklumat atas niat memperkenalkan pemikiran, tidak terdedah dengan fitnah, ia diharuskan.

Kalau remaja memiliki taqwa yang tinggi, pergaulan akan menjadi sihat dan komunikasi tidak akan menyeleweng, kerana kita insaf Allah itu Maha Melihat dan Maha Mengetahui.



Andainya remaja berakhlak mulia pada zaman remajanya, ada kemungkinan apabila tiba ke peringkat dewasa, akhlak mereka akan bertambah kukuh, tetapi sekiranya sebaliknya, maka pada peringkat dewasanya amat sukar hendak berubah jadi baik!

Remaja harus berakhlak mulia. Akhlak mulia adalah bekal untuk menjadi harapan generasi masa depan. Dengan pekerti yang baik, ilmu dan tamadun akan lebih mudah dikuasai. Budi bahasa yang tinggi meninggalkan adab yang lebih mudah diteladani. Oleh itu, akhlak sewajarnya menjadi landasan remaja dalam mengharungi hidup penuh cabaran ini.

Rutin hidup ialah apa yang kita buat setiap hari. Rutin hidup itu berkait rapat dengan perancangan dan hala tuju hidup kita. Ia bakal membentuk tabiat dan tingkah laku kita.

Faktor masa dan cara menggunakan masa adalah perkara yang sangat penting bagi remaja. Hidup adalah perkara yang sangat penting bagi remaja. Hidup bagi remaja adalah zaman keemasan. Masa diisi dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah untuk mempersiapkan diri masuk ke alam dewasa.

Remaja selalunya menghadapi masalah menggunakan masa lapang. Sebagai remaja, disiplin diri amat penting. Amalan-amalan yang dituntut agama seperti solat, melakukan kerja-kerja yang bersifat amal soleh amat berguna membantu rutin hidup remaja.

Sekalian remaja harus berfikir bahawa hidup yang Allah pinjamkan kepada kita adalah pendek. Perlu diaturkan sejak remaja lagi, agar hidup kita memberi manfaat yang besar.

Masa jangan dibazirkan. Sikap positif terhadap sesuatu yang berfaedah boleh mendorong remaja untuk terus maju. Remaja yang berdisiplin sering bertanya apakah yang baik dan bermanfaat untuk dilakukan hari ini dan terus bertanya bagaimana mereka harus mengurangkan kesilapan dan bagaimana untuk menambahkan pahala dalam melakukan sesuatu.

Kerosakan yang berlaku kepada jiwa remaja dalam melakukan rutin hidup, ialah rasa ingkar, sombong, takbur, pentingkan diri sendiri. Ini mungkin menyebabkan remaja tidak hormat kepada ibu bapa, melakukan sesuatu hingga melampaui batas. Degil dan tidak mahu mengikut nasihat, angkuh dengan minat dan gelagat. Dan akhirnya akan terjebak dengan hal-hal yang tidak senonoh dan merosakkan diri.

Dalam mengatur rutin hidup, remaja perlu berpandangan jauh. Remaja yang cemerlang pada hari ini, bakal mengurus negara pada masa hadapan! Sedarlah, awaslah, jangan terikut-ikut dengan pengaruh rakan sebaya dan persekitaran yang tidak berfaedah. Jangan sampai apabila dewasa nanti, kita menjadi beban kepada masyarakat! Hina dan leceh jadinya!



*Orang India ke Sungai Batu,
Membeli duku lalu ke seberang;
Apa dia akhlak itu?
Tingkah laku perangai seseorang.*

*Menebang balak dengan gergaji,
Konon gergaji persatuan belia;
Orang berakhlak tunaikan janji,
Menunaikan janji amalan mulia.*

*Setiap malam menunggang motor,
Motor Suzuki jadi tumpuan;
Dalam Islam dibenarkan bercampur,
Antara lelaki dengan perempuan.*

*Padi senalih digaul-gaul,
Oleh janda di tepi pintu;
Walaupun boleh bercampur-gaul,
Tetapi ada batasan tertentu.*

*Berkaca mata cantik menawan,
Lalu berangkat ke Tanah Palembang;
Remaja kita perlu berkawan,
Agar bakat subur berkembang.*



*Bunga seroja bunga kekwa,
Dibawa ke pekan Batu Pahat;
Kalau remaja benar bertaqwa,
Pergaulan akan menjadi sihat.*

*Di tengah pekan cuaca redup,
Ke sana ke mari menuntut ilmu;
Kita lakukan rutin hidup,
Setiap hari tidak jemu.*

*Berlari laju si burung unta,
Burung belatuk di pohon ciku;
Hala tuju hidup kita,
Turut membentuk tingkah-laku.*

*Pokok seroja di pinggir desa,
Pokok Melaka patah ranting;
Cara remaja menggunakan masa,
Bagi mereka sangat penting.*

*Anak raja pergi ke bandar,
Berkaca mata berbaju kemeja;
Para remaja perlu sedar,
Usia kita pendek sahaja.*





BINA INSAN, BINA NEGARA DAN SAHSIAH UNGGUL

Kiranya tidak ada remaja, kesinambungan generasi tidak mungkin berlaku. Remaja hari ini adalah orang dewasa pada hari esok. Kualiti remaja hari ini menggambarkan kualiti negara pada masa depan. Remaja dan proses bina insan adalah sesuatu yang bergerak seiring.

Aspek bina insan amat penting dijadikan keutamaan terhadap remaja hari ini agar binaan diri mereka berlaku secara seimbang dan harmoni. Allah ciptakan remaja dengan tiga potensi atau tiga kekuatan. Hasilnya mereka tahu dan berilmu. Kedua Allah jadikan mereka memiliki potensi rohaniah. Daripadanya terdapat hati, kalbu dan nafsu. Hati menjadikan mereka berperasaan. Kalbu membolehkan mereka membuat pertimbangan baik dan buruk sesuatu itu. Dan nafsu membolehkan mereka mengawal keinginan atau hajat.

Ketiga, Allah mengurniakan remaja memiliki faktor jasmani. Dengan itu membolehkan mereka bergerak dan melakukan sesuatu. Kesemua ketiga-tiga benda itu: akal, rohani dan jasmani memerlukan didikan, asuhan dan penyuburan agar berkembang secara seimbang dan memantapkan lagi maksud bina insan yang menyeluruh.

Kini tanpa ilmu dan keterampilan, remaja akan terpinggir dari arus perubahan. Bangsa-bangsa yang maju berubah dengan kekuatan ilmu sains dan teknologi. Remaja harus bersikap terbuka dengan kekuatan ilmu sains dan teknologi. Remaja harus terbuka untuk belajar ilmu orang lain di samping bersedia mengembangkan ilmu itu sesuai dengan acuan kita sendiri.

Sepanjang sejarah umat manusia, sahsiah unggul itu lahir pada zaman yang berbeza dan cuba membawa jawapan tentang makna hidup kemajuan. Angkatan remaja harus reflektif atau memiliki upaya berfikir pantulan terhadap apa yang berlaku pada masa lalu untuk dijadikan pedoman pada masa kini.



Sifat zaman adalah sesuatu yang berkesinambungan. Sejarah yang lalu boleh berulang. Yang lalu dikenang dan dipelajari agar remaja tidak mengulangi kesilapan yang pernah berlaku.

Uniknya peribadi unggul ini pada awalnya terbina kekuatan dalaman yang tinggi. Faktor akidah yang mantap, iman yang teguh, akhlak yang mulia, jihad atau daya juang yang tinggi adalah sifat-sifat peribadi yang unggul. Faktor-faktor asas ini telah berjaya membentuk peribadi-peribadi yang yakin diri, berjiwa peneroka, tabah membangun dan memiliki upaya bijaksana mendepani karenah zaman dan cabaran.



*Menunggang kuda dari sini,
Masuk ke desa belakang digosok;
Remaja pada hari ini,
Orang dewasa hari esok,*

*Bunga hiasan digantung-gantung,
Sudah lama dipandang sahaja;
Bina insan amat penting,
Perkara utama untuk remaja.*

*Di Tanjung Batu penyair dikumpulkan,
Penyair lelaki membaca puisi;
Remaja itu Allah ciptakan,
Mereka memiliki tiga potensi.*

*Pergi berkelah membawa bekal,
Bertemu jejak pandai mengukir;
Pertama Allah kurniakan akal,
Agar mereka boleh berfikir.*

*Penanam padi jalan berdua,
Buluh leman mereka langkah;
Rohaniah jadi potensi kedua,
Juga memang kurniaan Allah.*



*Gadis petani duduk bertiga,
Di tepi tingkap rumah wawasan;
Faktor jasmani kurniaan ketiga,
Baharulah lengkap seorang insan.*


*Usah jemu sertai kumpulan,
Semoga anda tidak tersingkir;
Tanpa ilmu dan keterampilan,
Pasti remaja akan terpinggir.*

*Orang Jawa pergi ke hulu,
Singgah senaman di Taman Mini;
Segala peristiwa masa lalu,
Jadikan pedoman masa kini.*

*Berkayuh ke hulu berdebar-debar,
Dayung bersimpai bersegi-segi;
Keburukan dahulu jadi iktibar,
Jangan sampai berulang lagi.*

*Orang hulu bertanam keladi,
Menjadi petani sejak berzaman;
Remaja perlu teguh peribadi,
Sanggup mendepani karenah zaman.*





PENTINGNYA RAJIN MEMBACA

Rajin dan suka membaca adalah suatu amalan yang baik. Rajin lawannya malas. Apabila diyakini bahawa rajin itu baik, maka hendaklah buang jauh-jauh perasaan malas itu.

Tekankan diri kita agar menjadi seorang yang rajin membaca! Rajin membaca akan mendedahkan diri seseorang dengan ilmu pengetahuan dan peristiwa. Membaca itu seperti kita memakan makanan! Tanpa makan setiap hari tidak lengkaplah hidup ini. Tanpa membaca bererti tidak lengkaplah hidup kita!

Seseorang yang mempunyai tabiat rajin membaca, akan membaca apa sahaja dan di mana sahaja. Membaca baginya suatu kepuasan. Melalui pembacaan seseorang dapat menambahkan maklumat, meluaskan pengetahuan, meningkatkan penguasaan ilmu, memahami tentang sesuatu peristiwa yang berlaku dan sentiasa meningkatkan kebijaksanaan diri!

Islam memang satu agama yang menganjurkan manusia membaca. Ayat pertama daripada Allah SWT kepada nabi kita Muhammad SAW ialah 'Iqra' atau 'Bacalah'. Al-Quran juga mengingatkan manusia tentang kepentingan akal bagi membolehkan manusia berfikir.

Jalan mengembangkan pemikiran ialah menerusi pembacaan. Amalan membaca yang banyak menjadikan seseorang itu memiliki ilmu dan pengetahuan yang lebih luas. Allah SWT memberikan pedoman, bahawa tidak sama orang berilmu dengan orang yang tidak berilmu.

Islam menganjurkan agar penganutnya bukan sahaja membaca sesuatu yang tersurat, tetapi juga hendaklah dikaji apa yang tersirat.

Generasi yang tidak berfikir tidak akan menghasilkan idea-idea yang bermakna. Pelbagai jenis buku misalnya, mengandungi pelbagai sumber maklumat dan ilmu yang amat berguna untuk remaja.



Merakamkan pelbagai idea, menghimpunkan segala analisis manusia tentang sesuatu peristiwa atau keadaan, mencatatkan fakta dan data yang ditemui penulis serta mengkaji terhadap pelbagai perkara, akan membantu remaja berkongsi, mengetahui serta memperolehi jalan atau rahsia ilmu tentang pelbagai perubahan, kemajuan dan pengetahuan.

Tradisi masyarakat barat dan Jepun amat gemar membaca. Kita perlu meniru mereka. Mereka membaca di mana-mana dan pada bila-bila masa terluang. Tabiat membaca ada kesannya kepada minda, sikap, mental malah kepada tanggapan dan hobi.

Sekiranya para remaja hanya cenderung membaca bahan-bahan ringan dan tidak mempunyai minat untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, maka globalisasi yang sedang kita tempuhi kini bakal menyebabkan kita terpinggir daripada arus maklumat, ilmu dan juga kemajuan!

Pembacaan boleh berlaku sama ada menerusi media cetak atau elektronik seperti internet. Juga para remaja perlu mendalami al-Quran. Kita boleh jadikan al-Quran dan tafsirannya sebagai sumber mendapatkan ilmu dan hikmah.




*Hari Sabtu berkelah di Genting,
Rakan sebaya bertemu di jalan;
Membaca suatu perkara penting,
Jadikan ia satu amalan.*

*Puteri Ratu jadi tawanan,
Jiwa tertekan berwajah redup;
Membaca itu ibarat makanan,
Tanpa makan bolehkan hidup?*

*Sakit lutut sebelah kaki,
Perlu bertahan serta cermat;
Kita patut memujuk diri,
Jadikan bacaan satu tabiat.*

*Kota Raja cerah cuaca,
Datuk Perwira jalan berempat;
Apa sahaja silalah baca,
Jangan dikjira di mana tempat.*

*Penarik beca mencuci becanya,
Di tepi kali waktu pagi;
Rajin membaca besar faedahnya,
Sekali-kali tidak rugi.*



*Buah Cempedak dari Maran,
Dibawa melalui tengah kota;
Cara hendak kembangkan fikiran,
Jalah melalui bacaan kita.*

*Pekan Lama tempat bertemu,
Tempat jejak temui kekasihnya;
Tidak sama orang berilmu,
Dengan mereka yang sebaliknya.*

*Redup cuaca di sebelah barat,
Di sebalik barat negara bersalji;
Apabila membaca yang tersurat,
Yang tersirat perlu dikaji,*

*Ikan belanak sisiknya putih,
Di tempat terpencil nampak berkaca;
Anak-anak perlu dilatih,
Sejak kecil rajin membaca.*

*Dari kuala menuju ke barat,
Masuk ke kota berjalan-jalan;
Bacalah segala bahan berat,
Baharulah kita tidak ketinggalan.*



12

KITA PERLU BERSYUKUR

Bersyukur bererti berterima kasih kepada Allah SWT kerana kita amat terhutang budi kepada-Nya. Bersyukur adalah suatu sifat yang mulia. Orang yang bersyukur adalah orang yang memiliki akhlak yang terpuji.

Allah SWT mengurniakan kita hati. Hati pula kita gunakan sebagai neraca menyuburkan niat dan hajat yang baik. Nikmat kebaikan yang diamalkan menjadikan seseorang ceria dan tenang dalam melakukan apa sahaja, kerana kebaikan dihubungkan dengan Allah SWT.

Sebaliknya jika pedoman Allah SWT tidak dipatuhi, hutang kita terhadap Allah SWT akan bertambah, malah melanggar hukum Allah SWT.

Remaja perlu menjadi orang yang bersyukur, memahami dan menghayati rasa syukur, bukan sekadar lafaz. Syukur yang memberi makna ialah dengan amalan. Remaja terhutang dengan Allah SWT dalam semua perkara. Hayat yang Allah SWT kurniakan, akal, kesihatan, kecerdasan dan tenaga adalah rahmat kurniaan Allah SWT yang amat besar.

Untuk menyuburkan rasa bersyukur, remaja harus yakin bahawa hidup ini adalah proses belajar. Meyakini bahawa belajar adalah suatu tuntutan boleh menjadikan remaja orang yang dahagakan ilmu pengetahuan, bimbingan dan tunjuk ajar.

Kalau keyakinan ini tidak ada, remaja akan merasakan diri serba tahu, sudah pandai dan tidak perlu belajar daripada orang lain. Akhirnya mereka terjebak dalam keadaan jahil dan mula timbul sifat angkuh. Rasa ingin tahu harus mendorong remaja bertanya, berkongsi dan mensyukuri apa yang ada. Kemudian mempertingkat lagi apa yang diketahui dan didalami dengan cara berkongsi dengan orang lain.




Remaja yang bersyukur tidak bakhil untuk memberitahu dan mendidik orang lain, kerana semuanya itu adalah amanah Allah SWT yang harus disebarluaskan. Rasa ingin tahu yang tinggi harus disuburkan dengan jiwa penerokaan dan pengkajian supaya ilmu dan kebijaksanaan remaja bertambah dan dapat disebar.

Remaja harus bina keyakinan bahawa Allah SWT tidak memberikan bakat dan kebolehan secara sia-sia. Bayangkan, kini ramai di kalangan remaja membazirkan bakat mereka dengan perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah. Akhirnya mereka menjadi beban kepada masyarakat dan negara serta tidak mampu menyumbangkan sesuatu apa pun. Inilah gambaran remaja yang tidak bersyukur.

Bakat remaja harus digilap dengan ilmu, kemahiran berfikir, kekayaan pengalaman, upaya strategik yang tinggi dan kesabaran yang padu, agar para remaja apabila berperanan nanti, mempunyai kualiti yang amat diperlukan bagi menghadapi perubahan yang amat mencabar.

Ini juga cara bersyukur kepada Allah SWT kerana tidak mensia-siakan bakat dan kebolehan yang dimiliki.

Jiwa bersyukur dalam erti kata yang luas harus terpancar dalam amal dan perbuatan. Rasa terhutang budi kita terhadap Allah SWT perlu dilahirkan dengan memperkasa ilmu dan akhlak serta sentiasa bertekad untuk menyumbangannya kepada masyarakat.



*Sungguh sayangnya batang selasih,
Dibelah-belah dibuang ke lurah;
Bersyukur ertinya berterima kasih,
Kepada Allah Maha Pemurah.*

*Pisau cukur dari Mongolia,
Ramai lelaki memuji-muji;
Insan bersyukur bersifat mulia,
Mereka memiliki akhlak terpuji.*

*Tolong tebangkan pokok jati,
Pokok jati patah ranting;
Kita dikurniakan seketul hati,
Peranan hati amat penting.*

*Pergi ke pekan membeli pulut,
Dibawa berkelah ke tepi pengkalan;
Syukur bukan hanya di mulut,
Tetapi hendaklah dengan amalan.*

*Berkaca mata pergi berkelah,
Di Pulau Ambon mengail sotong;
Hutang kita kepada Allah,
bertimbun-timbun jika dihitung.*



*Amat luasnya ladang rambutan,
Pokoknya selalu dibubuh baja;
Belajar sebenarnya satu tuntutan,
Ini perlu diyakini remaja.*

*Anak kelapa jangan dilanda,
Benih kelapa dari Langkawi;
Syukuri apa yang anda ada,
Tingkatkan apa yang anda ketahui.*

*Di Pulau Pangkor orang bertahlil,
Sampan mudik ke Kuala Permai;
Remaja bersyukur tidak bakhil,
Gemar mendidik orang ramai.*

*Kalau hendak jalan dekat,
Berjaga-jaga jangan tersungkur;
Anda tidak sia-siakan bakat,
Itu juga dianggap bersyukur.*



BONUS

*Gadis Semarang berwajah ayu,
Gadis Hulu bersopan-santun;
Sebagai seorang anak Melayu,
Kita perlu tahu berpantun.*

*Budak-budak asyik menonton,
Bergurau-senda si gadis ayu;
Kalau tidak tahu berpantun,
Malulah anda sebagai Melayu.*

*Ranting dedalu bercabang tiga,
Ditiup bayu terjantai rendah;
Kita perlu berasa bangga,
Pantun Melayu teragung, terindah.*

*Bersopan-santun sepanjang masa,
Orang bersantun disenangi teman;
Sayangi pantun pusaka bangsa,
Peliharalah pantun ke akhir zaman.*



Autograf





Pantun Remaja Membina Akal Budi

Pantun Remaja Membina Akal Budi merupakan sebuah buku pantun yang memuatkan genre pantun empat kerat khas untuk para remaja. Buku pantun ini ditulis dan disusun oleh penulisnya mengikut tajuk-tajuk yang lebih kecil bersesuaian dengan fitrah manusia ketika menghadapi alam remaja. Pantun-pantun ini amat menarik kerana berupaya menjadi faktor penarik sebagai pencetus perubahan minda dan memberi motivasi kepada remaja untuk membina karektor diri. Selamat membaca!

ISBN 978-983-042-426-2



9 789830 424262